



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM.JB(A)70/11 Jld.2 (13)

Tarikh : 5 Disember 2021
30 Rabiul Akhir 1443H

Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Negeri Johor

YBhg. Datuk/Dato/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN TINDAKAN KE ATAS AKAUN WANG TUNAI YANG BELUM DIBANKKAN (A0122101) BAGI BULAN NOVEMBER 2021

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Semua PTJ adalah dikehendaki menyelesaikan resit sehingga penyata pemungut pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada setiap hujung minggu. Sekiranya terdapat resit yang perlu dibatalkan, pembatalan resit hendaklah dibuat segera.
3. Sukacita diingatkan bagi kutipan pada bulan November 2021 mestilah diambil tindakan selewat-lewatnya pada 1 Disember 2021 (Rabu).
4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Akaun iaitu **Puan Azlina binti Mahmood samb.1154** atau boleh diemelkan kepada **akaun_jhr@anm.gov.my**.
5. Kerjasama dan tindakan daripada pihak YBhg. Datuk/Dato/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIRMALA DEVI A/P THIRUMALAI c.A.(M))

b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor